

Toh Puan Rahah Golf Tournament

Selepas diasaskan, PERTIWI mula memikirkan bahawa tanpa sebarang usaha sukar dijalankan. Permohonan untuk mendapatkan bantuan Kerajaan dalam tahun 1973 telah mendapat perhatian. Jumlah bantuan Kerajaan ini ditambah setahun demi setahun.

Dalam tahun 1987, segala bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan wanita telah diserahkan kepada HAWA (Bahagian Hal Ehwal Wanita) di bawah Jabatan Perdana Menteri (sekarang di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat).

Dengan projek yang begitu pelbagai, PERTIWI tidak dapat bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan. Berbagai-bagai usaha memungut derma telah diikhtiarkan. Satu perkara yang mendapat perhatian daripada awal-awal lagi ialah perlunya setiap derma yang disumbangkan kepada PERTIWI diberikan pengecualian cukai. PERTIWI sedar perkara ini penting bagi setiap penderma. Seterusnya suatu memorandum dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia dan dengan bantuan Tan Sri Dato' Sallehuddin Mohamed (bekas Ketua Setiausaha Negara) dan seorang sahabat lama saya, (beliau ialah suami kepada Puan Sri Hafsa, seorang ahli PERTIWI), pengecualian cukai diberikan kepada PERTIWI dalam tahun 1973 menerusi pemberitahuan Warta Kerajaan no. 2607/67. Dengan berbekalkan kemudahan istimewa ini dapatlah PERTIWI menjalankan usaha mencari derma dengan lebih yakin lagi.

Satu acara pungut derma yang diadakan setiap tahun bermula daripada tahun 1974 dan masih kekal sehingga hari ini ialah Pertandingan Golf Piala Toh Puan Rahah. Pertandingan itu yang merupakan pertandingan beranjur (sponsor) diilhamkan oleh Jamaluddin Abu Bakar (Allahyarham, Dato'). Jamaluddin ialah seorang pemain golf handalan yang terkenal bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa. Beliau mencadangkan kepada isterinya, Rahmah (Datin) juga seorang pemain golf, bahawa cara paling mudah untuk mendapatkan derma daripada kaum lelaki, terutamanya daripada kaki golf, ialah mengadakan pertandingan secara beranjur. Toh Puan Rahah, penaung PERTIWI pada waktu itu, dengan murah hati telah memberi hadiah piala pusingan kepada pemenang pertama

utama. Beliau telah menghadiahkan sebuah piala perak yang cantik sebagai hadiah kepada pemain yang memperoleh pungutan derma yang paling tinggi di setiap pertandingan. Piala perak ini disimpan terus oleh para pemenang dan setiap tahun PERTIWI menyediakan piala baharu untuk dimenangi oleh peserta-peserta yang berjaya mendapatkan sponsor yang paling besar. Piala asal Piala Toh Puan Rahah sekarang dipamerkan di Memorial Tun Abdul Razak di Sri Taman, Kuala Lumpur.

Di pertandingan golf yang pertama sambutan daripada peminat-peminat golf baik sekali. Sudah pasti PERTIWI menghargai sumbangan Tan Sri Yaacob Latiff (Allahyarham), Datuk Bandar Kuala Lumpur, yang setiap tahun menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Pertandingan Golf. Semasa beliau menjadi Pengerusi, setiap pertandingan mendapat sambutan yang istimewa sekali. PERTIWI sungguh menghargai sumbangan Tan Sri Yaacob yang sudah pasti tidak terbalas jasanya.

Pertandingan golf yang pertama telah diadakan di Kelab Golf Diraja Selangor. Pertandingan-pertandingan selanjutnya diadakan di Kelab Golf Negara Subang. Setiap tahun PERTIWI mengadakan sebanyak dua atau tiga pertandingan di kelab-kelab di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Ada kalanya pertandingan diadakan di negeri-negeri lain seperti di Pulau Pinang, Alor Star, Seremban dan di Awana, Genting Highlands. Antara pemain-pemain yang regular hingga hari ini ialah Dato' Mohd Tahir Rahim, Encik Taib Abdul Hamid, Dato' Ahmad Adam, Encik Khoo Boo Khean, Encik Hashim Abdullah dan Encik Albakri Abdullah Udi. Pada waktu dahulu, pada akhir tahun diadakan jamuan makan malam untuk meraikan pemain-pemain golf dan memberi hadiah kepada para pemenang.